

NO KONTRAK:.....

**PERJANJIAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN
BERSENJATA API UNTUK MENGIRINGI WANG ATAU HASIL KUTIPAN
DI UNIT HASILKE BANK**

ANTARA

KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

DIWAKILI OLEH

.....

DAN

.....SDN. BHD

(NO. SYARIKAT :)

PPUUNS:

Sila pastikan No. Pendaftaran Syarikat adalah sama dengan no pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

PERJANJIAN ini dibuat pada haribulan.....tahun 20.....

ANTARA

KERAJAAN NEGERI SEMBILAN yang bagi tujuan Perjanjian ini diwakili oleh yang beralamat di
(kemudian daripada ini disebut sebagai “Kerajaan”) bagi satu pihak;

DAN

SYARIKATSDN. BHD. (No.Syarikat:.....) sebuah syarikat yang didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan mempunyai alamat berdaftar di
(kemudian daripada ini disebut sebagai “Syarikat”) bagi pihak yang satu lagi,

(kedua-dua Kerajaan dan Syarikat boleh dirujuk secara berasingan sebagai “Pihak” atau bersesama sebagai “Pihak-Pihak”.)

BAHAWASANYA –

- A. SyarikatSdn. Bhd. adalah merupakan sebuah syarikat yang dilesenkan mengikut peruntukan Akta Agensi Persendirian 1971 [*Akta 27*] bagi menjalankan perkhidmatan kawalan keselamatan di premis-premis Kerajaan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia.
- B. Kerajaan bersetuju untuk melantik Syarikat bagi memberikan perkhidmatan kawalan keselamatan bagi mengiringi wang hasil kutipan di unit hasil ke Bank
- C. Syarikat bersetuju untuk membekalkan perkhidmatan kawalan keselamatan tersebut tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN adalah dengan ini dipersetujui oleh Pihak-Pihak seperti berikut:

1. **DEFINISI DAN TAFSIRAN**

1.1 **DEFINISI**

Dalam Perjanjian ini, perkataan-perkataan berikut membawa maksud yang ditetapkan baginya melainkan konteksnya mengkehendaki makna yang lain:

“Anggaran Nilai Perjanjian”	ertinya anggaran jumlah keseluruhan seperti yang dinyatakan dalam Klausu 4 Perjanjian ini yang perlu dibayar oleh Kerajaan kepada Syarikat bagi pembekalan Perkhidmatan;
“Bayaran Perkhidmatan”	ertinya jumlah yang perlu dibayar oleh Kerajaan kepada Syarikat seperti yang dinyatakan dalam Klausu 5 Perjanjian ini;
“Bon Pelaksanaan”	ertinya jaminan tidak boleh batal yang telah atau akan dikeluarkan oleh institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] atau undang-undang Malaysia lain yang terpakai atau mana-mana institusi yang dibenarkan oleh Kerajaan dalam bentuk sebagaimana yang dilampirkan dalam Jadual 8 dan sebagaimana diperuntukkan di dalam Klausu 9 Perjanjian ini;

NOTE:

Klausula Pelaksanaan ini hanya perlu dimasukkan untuk perolehan yang nilai kontrak setahun melebihi RM200,000 ke atas.

“Ketua Pengawal Keselamatan”

ertinya orang yang telah dilantik oleh Syarikat bagi melaksanakan tanggungjawab dalam **Jadual 1** Perjanjian ini;

“Pegawai Operasi”

ertinya orang yang telah dilantik oleh Syarikat di bawah **Klausula 11.1(b)** Perjanjian ini;

“Pengawal Keselamatan”

ertinya mana-mana orang termasuk Ketua Pengawal Keselamatan yang digaji oleh Syarikat untuk melaksanakan perkhidmatan kawalan keselamatan di bawah Perjanjian ini;

“Perkhidmatan”

ertinya perkhidmatan kawalan keselamatan yang disediakan oleh Syarikat seperti yang dinyatakan dalam **Klausula 2** Perjanjian ini dan

“Premis”

ertinya kawasan dan/atau bangunan Perkhidmatan dilaksanakan seperti yang ditentukan oleh Kerajaan seperti dalam **Jadual 2**.

1.2. TAFSIRAN

Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, tafsiran di dalam Perjanjian ini adalah seperti berikut:

- (a) resital-resital, klausa-klausa, lampiran-lampiran dan apa-apa dokumen yang dirujuk di dalam Perjanjian ini hendaklah diambil kira, dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini;
- (b) perkataan yang membawa maksud satu adalah juga merujuk kepada jumlah majmuk dan juga sebaliknya;
- (c) perkataan-perkataan yang merujuk kepada orang perseorangan adalah juga merujuk kepada kumpulan perseorangan, syarikat, perbadanan, firma atau rakan kongsi sama ada diperbadankan ataupun tidak diperbadankan;
- (d) apa-apa perkataan atau ungkapan yang ditakrifkan dalam Perjanjian ini adalah juga termasuk olahan tatabahasa dan ungkapan perkataan yang ditakrifkan;
- (e) rujukan kepada klausa hendaklah bermaksud rujukan kepada klausa-klausa dalam Perjanjian ini;
- (f) perkataan “Perjanjian”, “Kontrak” atau perkataan lain yang sama hendaklah mengandungi klausa yang terkandung dalam Perjanjian ini dan termasuk apa-apa pindaan, perubahan, penambahan, atau modifikasi dan perjanjian tambahan secara bertulis padanya;
- (g) rujukan kepada undang-undang adalah termasuk peruntukan undang-undang yang telah dipinda, disemak, atau dicetak semula;

- (h) tajuk-tajuk dan juga tajuk-tajuk kecil kepada klausa-klausa dalam perjanjian ini adalah hanya untuk mempermudah rujukan sahaja dan tidak menjejaskan pentafsiran dan maksud ayat dalam Perjanjian ini;
- (i) apa-apa jadual, lampiran, dokumen, nota atau penerangan yang dirujuk dalam Perjanjian ini dan apa-apa pindaan, perubahan, penambahan atau modifikasi bertulis padanya hendaklah ditafsirkan dan dibaca sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini;
- (j) semua rujukan terhadap hari, bulan atau tahun hendaklah termasuk hari dan waktu bekerja biasa Kerajaan, hari Sabtu dan Ahad dan hari kelepasan am Negeri-Negeri yang berkenaan melainkan dinyatakan sebaliknya atau sebagaimana yang dipersetujui secara bertulis oleh Kerajaan;
- (k) apa-apa syarat teknikal yang tidak ditarifikan secara khusus dalam Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan menurut penggunaan atau definisi yang biasa diterima oleh mereka yang terlibat di dalam profesion ini di Malaysia;
- (l) apa-apa rujukan kepada kaedah secara bertulis atau notis adalah termasuk sebarang komunikasi yang dihantar secara pos berdaftar berbayar, kabel, transmisi faks, mel elektronik atau cara lain yang sama dengannya;
- (m) apa-apa rujukan kepada “kelulusan” atau “kebenaran” adalah bermaksud kelulusan atau kebenaran secara bertulis;
- (n) mana-mana rujukan kepada “hari”, “minggu”, “bulan” atau “tahun” adalah merupakan rujukan kepada hari, minggu, bulan atau tahun tersebut menurut kalendar *Gregory*;
- (o) sekiranya rujukan berkaitan dengan masa bagi sesuatu perbuatan yang harus dilakukan atau sesuatu persetujuan dicapai atau kebenaran

diberikan, rujukan tersebut harus dianggap dibaca bersama ungkapan tersebut atau mana-mana tempoh yang dipersetujui secara bertulis antara Pihak-Pihak dalam Perjanjian ini dari semasa ke semasa; dan

- (p) sebutan mengenai salah satu Pihak kepada Perjanjian ini atau mana-mana dokumen atau Perjanjian lain hendaklah termasuk penggantinya dan pemegang serah haknya yang dibenarkan.

2. SKOP PERKHIDMATAN

Tertakluk kepada terma dan syarat Perjanjian ini, Syarikat hendaklah melaksanakan perkhidmatan kawalan keselamatan sepanjang Tempoh Perjanjian seperti berikut:

- (a) menurut skop kerja yang telah ditetapkan dalam **Jadual 1**;
- (b) di Premis yang telah ditetapkan dalam **Jadual 2**;
- (c) mengikut syif yang ditetapkan dalam **Jadual 3** dan Rajah A; dan
- (d) membekalkan kelengkapan dan peralatan seperti dalam **Jadual 4**.

3. TEMPOH PERJANJIAN

- 3.1. Syarikat telah bersetuju untuk memberikan Perkhidmatan kepada Kerajaan bagi tempoh yang bermula pada (“Tarikh Berkuat Kuasa”) dan berakhir pada (“Tarikh Tamat”) (selepas daripada ini dirujuk sebagai “Tempoh Perjanjian”).

PPUUNS:

Tarikh kuat kuasa kontrak (*effective date*) hendaklah sama dengan tarikh Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani oleh Syarikat manakala tarikh perjanjian ialah tarikh perjanjian ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

- 3.2. Syarikat boleh memohon kepada Kerajaan secara bertulis untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian tidak kurang dari tiga (3) bulan atau dalam apa-apa tempoh lain yang dipersetujui secara bertulis oleh Kerajaan sebelum Tarikh Tamat. Kerajaan mempunyai kuasa mutlak sama ada hendak mempertimbangkan permohonan itu atau sebaliknya.
- 3.3. Sekiranya Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian, Pihak-Pihak hendaklah dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum Tarikh Tamat atau dalam tempoh lain yang dinyatakan secara bertulis oleh Kerajaan, berunding mengenai terma-terma dan syarat-syarat pelanjutan tempoh tersebut. Sekiranya Pihak-Pihak gagal mencapai persetujuan mengenai pelanjutan tersebut, Perjanjian ini akan dengan sendirinya tamat pada Tarikh Tamat.

4. ANGGARAN NILAI PERJANJIAN

- 4.1. Sebagai balasan kepada Perkhidmatan yang diberikan oleh Syarikat di bawah Perjanjian ini, Kerajaan bersetuju untuk membayar kepada Syarikat sebanyak Ringgit (RM.....) sahaja (termasuk kos Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan bayaran fi perkhidmatan Sistem e-Perolehan) menurut **Jadual 5A** Perjanjian.
- 4.2. Anggaran Nilai Perjanjian yang dinyatakan dalam **Klausu 4.1** adalah tetap dan apa-apa permohonan bagi pelarasan semula Anggaran Nilai Perjanjian berikutan kenaikan harga disebabkan oleh polisi atau keputusan Kerajaan hendaklah dikemukakan oleh Syarikat kepada Kerajaan secara bertulis. Kerajaan mempunyai kuasa mutlak sama ada hendak mempertimbangkan permohonan itu atau sebaliknya.
- 4.3. Sekiranya Kerajaan bersetuju dengan permohonan Syarikat di bawah **Klausu 4.2**, pelarasan semula kepada Anggaran Nilai Perjanjian hanya akan berkuat kuasa melalui pindaan kepada Perjanjian ini.

5. BAYARAN PERKHIDMATAN

- 5.1. Tertakluk kepada pematuhan Syarikat terhadap terma dan syarat Perjanjian ini, Kerajaan bersetuju untuk membayar kepada Syarikat bayaran perkhidmatan sebenar yang telah diberikan oleh Syarikat kepada Kerajaan (termasuk kos Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan bayaran fi perkhidmatan Sistem e-Perolehan) menurut **Jadual 5B** Perjanjian.
- 5.2. Syarikat hendaklah mengemukakan jumlah tuntutan Bayaran Perkhidmatan bagi setiap bulan selepas Perkhidmatan dilaksanakan berserta dokumen lengkap kepada Kerajaan tidak lewat dari 10 haribulan bagi setiap bulan kalendar.
- 5.3. Kerajaan hendaklah dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan tuntutan di bawah **Klausu 5.2** mengesahkan dan memaklumkan secara bertulis jumlah tuntutan Bayaran Perkhidmatan yang kena dibayar kepada Syarikat.
- 5.4. Setelah menerima pengesahan tuntutan di bawah **Klausu 5.3**, Syarikat hendaklah mengemukakan dua (2) salinan asal invois cukai bersama dokumen yang berkaitan kepada Kerajaan.
- 5.5. Tertakluk kepada tolakan di bawah **Klausu 6** dan klausa-klausa yang terpakai dalam Perjanjian ini, pembayaran menurut **Klausu 5.4** hendaklah dibuat oleh Kerajaan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan invois cukai serta dokumen lengkap daripada Syarikat.
- 5.6. Bayaran Perkhidmatan yang akan dibuat oleh Kerajaan kepada Syarikat menurut Perjanjian ini adalah tertakluk kepada kadar fi perkhidmatan sebanyak kosong perpuuhan empat peratus (0.4%) dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

PPUUNS:

Kadar 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta adalah keperluan yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia melalui PK4.3

6. TOLAKAN (*SET-OFF*)

6.1. Kerajaan berhak memotong Bayaran Perkhidmatan yang kena dibayar kepada Syarikat oleh Kerajaan di bawah Perjanjian ini sebagai tolakan daripada apa-apa wang yang perlu dibayar dan terhutang oleh Syarikat mengikut kiraan dalam **Jadual 6** sekiranya –

- (a) Syarikat gagal menempatkan Pengawal Keselamatan di Premis pada satu-satu masa;
- (b) Syarikat tidak dapat menyediakan atau menempatkan bilangan Pengawal Keselamatan mengikut cara, masa dan tempat yang ditetapkan dalam **Jadual 3**;
- (c) Pengawal Keselamatan tidak menjalankan rondaan dan *clocking* (termasuk kelewatan melaksanakan rondaan dan *clocking*) di tempat-tempat yang telah ditetapkan di bawah Perjanjian;
- (d) berlakunya kehilangan atau kerosakan harta Kerajaan di Premis yang disebabkan oleh kecuaiian, kelalaian atau salah laku Syarikat atau Pengawal Keselamatan atau mana-mana pekerja Syarikat;
- (e) peralatan atau kelengkapan yang disediakan oleh Syarikat bagi tujuan Perkhidmatan tidak disediakan atau tidak berfungsi dan tidak disenggara dengan baik; atau

- (f) Pengawal Keselamatan tidak memakai pakaian seragam yang diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan tidak sentiasa berada dalam keadaan bersedia untuk melaksanakan Perkhidmatan semasa bertugas.

6.2. Jika jumlah tolakan di bawah **Klausu 6.1** tidak mencukupi bagi menampung tuntutan Kerajaan, Kerajaan berhak memotong Bayaran Perkhidmatan yang kena dibayar kepada Syarikat oleh Kerajaan bagi bulan seterusnya.

7. REPRESENTASI DAN WARANTI

7.1. Syarikat dengan ini membuat representasi dan waranti kepada Kerajaan bahawa:

- (a) ia adalah sebuah syarikat yang berdaftar di bawah undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa;
- (b) ia mempunyai kuasa untuk membuat Perjanjian ini dan melaksanakan tanggungjawab serta urusan di bawah Perjanjian ini;
- (c) ia telah mengambil segala langkah-langkah yang perlu bagi membuat dan melaksanakan tanggungjawab serta urusan di bawah Perjanjian ini;
- (d) pelaksanaan Perjanjian ini tidak menyalahi sebarang peruntukan sama ada dalam:
 - (i) Memorandum dan Artikel Persatuannya; atau
 - (ii) mana-mana dokumen atau perjanjian yang mengikatnya atau asetnya;
- (e) ia adalah sebuah Syarikat yang berdaftar pada setiap masa dengan Kementerian Kewangan melainkan diberikan pengecualian secara bertulis oleh Kerajaan;

- (f) ia mempunyai lesen, permit atau kebenaran menjalankan Perkhidmatan yang sah dan berkuat kuasa yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) sebagaimana dalam **Jadual 7**;
- (g) ia hendaklah memiliki lesen senjata api dan Permit (*Carry & Use*) yang diluluskan oleh Polis DiRaja Malaysia di atas nama Syarikat dan mematuhi sebarang garis panduan berhubung permohonan dan pengendalian senjata api oleh syarikat kawalan keselamatan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) sebelum menjalankan Perkhidmatan;
- (h) ia menganggotai Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM) sebagai ahli yang sah dan berkuat kuasa sepanjang Tempoh Perjanjian; atau
- (i) tiada sebarang litigasi, tuntutan cukai, timbang tara, pertikaian atau prosiding yang sedang atau akan berlangsung yang pada pengetahuannya akan memberi kesan negatif terhadap keupayaan kewangan atau tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini,

dan Syarikat mengambil maklum bahawa Kerajaan telah memasuki Perjanjian ini berdasarkan representasi dan waranti di atas.

- 7.2. Syarikat selanjutnya membuat representasi dan waranti kepada Kerajaan bahawa representasi dan waranti yang dinyatakan di **Klausu 7.1** di atas hendaklah kekal benar dan tepat dalam semua aspek material sepanjang Tempoh Perjanjian kecuali **Klausu 7.1(h)**.

8. HAK KERAJAAN MENDAPATKAN PERKHIDMATAN DARIPADA PUNCA LAIN

- 8.1. Kerajaan berhak mendapatkan Perkhidmatan dari punca lain selain Syarikat jika Syarikat tidak dapat melaksanakan Perkhidmatan atau apa-apa bahagian daripada Perkhidmatan.
- 8.2. Sekiranya Kerajaan mendapatkan Perkhidmatan dari punca lain selain Syarikat di bawah **Klausu 8.1**, Kerajaan boleh mengenakan kos tersebut terhadap Syarikat termasuk dengan merampas apa-apa jumlah daripada Bon Pelaksanaan.

PPUUNS:

Perkataan “termasuk dengan merampas apa-apa jumlah daripada Bon Pelaksanaan” hanya terpakai sekiranya perjanjian ini mempunyai peruntukan berkenaan dengan Bon Pelaksanaan.

- 8.3. Jika jumlah di bawah **Klausu 8.2** tidak mencukupi bagi menampung tuntutan Kerajaan, Kerajaan boleh menuntut secara bertulis baki wang tersebut daripada Syarikat dan Syarikat hendaklah membuat pembayaran selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari selepas menerima tuntutan bertulis itu.
- 8.4. Sekiranya Syarikat gagal membuat pembayaran selepas tamat tempoh seperti yang dinyatakan dalam **Klausu 8.3** di atas atau apa-apa tempoh lain yang diberikan oleh Kerajaan, maka Kerajaan boleh mengambil apa-apa tindakan undang-undang pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada Syarikat.

9. BON PELAKSANAAN

9.1. Tanggungjawab Menyerahkan Bon Pelaksanaan

Syarikat hendaklah memastikan Bon Pelaksanaan dalam bentuk sebagaimana yang dilampirkan dalam **Jadual 8** telah diserahkan kepada Kerajaan semasa menandatangani Perjanjian ini bagi menjamin pelaksanaan obligasi-obligasi Syarikat di bawah Perjanjian ini.

9.2. Syarat-syarat Bon Pelaksanaan

9.2.1. Syarikat hendaklah menyerahkan Bon Pelaksanaan pada kadar..... peratus (.....%) [2.5% atau 5%] daripada Anggaran Nilai Perjanjian setahun sebanyak RM..... sahaja.

PPUUNS:

Kadar bon pelaksanaan yang perlu diserahkan oleh Syarikat adalah seperti berikut (a) 2.5% bagi kontrak perkhidmatan dengan nilai perjanjian untuk tempoh setahun kurang daripada RM500,000; dan (b) 5.0% bagi kontrak perkhidmatan dengan nilai perjanjian setahun lebih daripada RM500,000.

9.2.2. Nilai Bon Pelaksanaan hendaklah pada setiap masa tidak kurang daripada nilai yang diperuntukkan di dalam **Klausu 9.2.1**.

9.2.3. Bon Pelaksanaan hendaklah sah laku dari tarikh ia dikeluarkan sehingga tempoh dua belas (12) bulan selepas tamatnya Tempoh Perjanjian.

9.2.4. Walau apa pun terkandung di dalam Perjanjian ini, Kerajaan berhak untuk membuat tuntutan terhadap keseluruhan atau sebahagian daripada Bon Pelaksanaan jika Syarikat gagal melaksanakan obligasi di bawah

Perjanjian ini atau jika memungkiri apa-apa terma atau syarat dalam Perjanjian ini tanpa menjejaskan hak Kerajaan untuk mengambil tindakan undang-undang yang lain.

9.3. Bon Pelaksanaan Tambahan

Sekiranya tuntutan dibuat oleh Kerajaan di bawah Bon Pelaksanaan ini yang menyebabkan jumlah Bon Pelaksanaan tersebut berkurangan daripada jumlah yang dinyatakan dalam **Klausu 9.2.1**, Syarikat hendaklah menyerahkan suatu bon pelaksanaan tambahan kepada Kerajaan mengikut **Klausu 9.2** di mana Kerajaan hendaklah memegang suatu bon atau bon-bon pelaksanaan yang mempunyai agregat tidak kurang daripada Ringgit.....(RM.....) pada setiap masa.

9.4. Bon Pelaksanaan Lanjutan

Sekiranya tempoh sah laku Bon Pelaksanaan yang dinyatakan di **Klausu 9.2.1** akan luput, Syarikat hendaklah menyerahkan bon pelaksanaan yang baharu sebelum atau pada tarikh luput tempoh sah laku Bon Pelaksanaan tersebut dengan nilai yang sama dengan jumlah bon pelaksanaan yang akan luput.

PPUUNS:

Klausu Bon Pelaksanaan ini hanya perlu dimasukkan sekiranya nilai perjanjian untuk setahun melebihi RM200,000. Sekiranya nilai perjanjian untuk setahun kurang daripada RM200,000 klausu ini tidak perlu dimasukkan dalam perjanjian.

10. PELANTIKAN PENGAWAL KESELAMATAN

10.1. Pelantikan

- (a) Syarikat dikehendaki menggaji dan menentukan seramai orang Pengawal Keselamatan termasuk seorang Ketua Pengawal Keselamatan yang bertugas dalam setiap syif yang ditetapkan dalam **Jadual 3**.
- (b) Sekiranya seseorang Pengawal Keselamatan itu bercuti sakit, cuti rehat, cuti kecemasan, tidak hadir bekerja, tidak melapor diri untuk bertugas atau dalam apa jua keadaan tidak menghadirkan diri untuk bertugas, maka Syarikat hendaklah menyediakan pengganti Pengawal Keselamatan tersebut daripada kalangan Pengawal Keselamatan yang telah disahkan oleh Kerajaan bagi melaksanakan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini.
- (c) Sekiranya pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Perjanjian atau semasa Pengawal Keselamatan menjalankan Perkhidmatan, Kerajaan mendapati Pengawal Keselamatan yang dibekalkan tidak memenuhi kriteria pelantikan atau tidak sesuai untuk melaksanakan Perkhidmatan, Syarikat hendaklah menyediakan pengganti Pengawal Keselamatan daripada kalangan Pengawal Keselamatan yang telah disahkan oleh Kerajaan bagi melaksanakan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini tanpa apa-apa kos tambahan kepada Kerajaan.
- (d) Sekiranya Syarikat gagal menyediakan pengganti Pengawal Keselamatan menurut **Klausula 10.1(b)** atau **Klausula 10.1(c)**, Kerajaan berhak membuat tolakan ke atas Bayaran Perkhidmatan mengikut pengiraan tolakan menurut **Jadual 6**.
- (e) Kerajaan boleh meminta Syarikat menambah bilangan anggota Pengawal Keselamatan pada satu-satu kawasan atau pada masa tertentu sekiranya

difikirkan perlu oleh Kerajaan. Dalam keadaan tersebut, Pihak-Pihak akan merundingkan, antara lain, Bayaran Perkhidmatan yang akan dibayar kepada Syarikat dan skop kerja dan sebarang perkiraan yang dipersetujui hendaklah diperuntukkan melalui perjanjian tambahan yang akan dibuat kemudian oleh Pihak-Pihak.

10.2. Kriteria Pelantikan

Dalam melantik Pengawal Keselamatan bagi melaksanakan Perkhidmatan, Syarikat hendaklah –

- (a) mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam undang-undang, peraturan, pekeliling dan perintah tetap operasi yang berkuat kuasa di Malaysia;
- (b) memastikan Pengawal Keselamatan yang diambil bekerja tidak mempunyai rekod jenayah dan telah disahkan lulus tapisan keselamatan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja dari Tarikh Berkuat Kuasa Perjanjian ini atau tarikh Pengawal Keselamatan berkenaan dilantik oleh Syarikat, mengikut mana yang terkemudian. Mana-mana Pengawal Keselamatan yang didapati tidak lulus tapisan keselamatan dalam tempoh yang ditetapkan tidak dibenarkan berkhidmat dan perlu diganti dengan serta-merta dengan Pengawal Keselamatan yang telah lulus tapisan keselamatan;
- (c) memastikan Pengawal menghadiri kursus *Certified Security Guards* (CSG) selama enam (6) hari dalam tempoh enam (6) bulan dari Tarikh Berkuat Kuasa Perjanjian ini atau tarikh Pengawal Keselamatan berkenaan dilantik oleh Syarikat, mengikut mana yang terkemudian;

- (d) melantik Pengawal Keselamatan yang daripada kalangan warganegara Malaysia sahaja yang telah mendapat pengesahan kad pengenalan biometrik di mana-mana Jabatan Pendaftaran Negara;
- (e) memastikan Pengawal Keselamatan yang dilantik fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia;
- (f) menghalusi pemilihan dan pengambilan kerja Pengawal Keselamatan atau mana-mana pekerja yang diletakkan dan ditugaskan;
- (g) menentukan hanya Pengawal Keselamatan yang berpengalaman, terlatih, cekap dan berwibawa ditugaskan;
- (h) memastikan setiap Pengawal Keselamatan telah atau dikehendaki dari semasa ke semasa menjalani pemeriksaan kesihatan yang rapi dan disahkan sihat tubuh badan, penglihatan yang baik dan mempunyai rekod perubatan yang disahkan oleh Pengawai Perubatan Kerajaan;
- (i) memastikan Pengawal Keselamatan yang dilantik adalah berdisiplin, cergas, sihat tubuh badan, berpengetahuan dan terlatih dalam aspek keselamatan dan kebakaran;
- (j) memastikan bahawa pengambilan Pengawal Keselamatan bertugas yang mempunyai pertalian saudara adalah tidak melebihi daripada dua (2) orang;
- (j) memastikan Pengawal Keselamatan yang dilantik berkelakuan baik, bertatertib, mematuhi peraturan-peraturan dan tidak melakukan perbuatan-perbuatan buruk, salah laku atau menyalahi undang-undang sepanjang Tempoh Perjanjian;
- (k) memastikan Pengawal Keselamatan tidak buta warna dan tidak cacat pendengaran;

- (l) tidak menggaji atau mengambil bekerja mana-mana orang di bawah umur lapan belas (18) tahun atau melebihi umur enam puluh lima (65) tahun sebagai Pengawal Keselamatan. Walau bagaimana pun, bagi mana-mana orang yang berumur 56 tahun sehingga 65 tahun boleh dilantik sebagai Pengawal Keselamatan hendaklah mendapat pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan mengenai tahap kesihatan diperolehi setiap tahun; dan
- (m) memastikan Pengawal Keselamatan bukan seorang penagih dadah dan menjalani pemeriksaan air kencing dan lulus ujian air kencing dalam tempoh empat belas (14) hari dari Tarikh Berkuat Kuasa Perjanjian ini atau tarikh Pengawal Keselamatan berkenaan dilantik oleh Syarikat mengikut mana yang terkemudian. Sekiranya Pengawal Keselamatan tidak lulus ujian air kencing dalam tempoh yang ditetapkan, Pengawal Keselamatan tersebut tidak dibenarkan berkhidmat dan hendaklah diganti dengan serta-merta dengan Pengawal Keselamatan yang lulus ujian air kencing.

11. OBLIGASI SYARIKAT

11.1. Perkhidmatan

- (a) Syarikat hendaklah memastikan dan menetapkan bahawa pada setiap masa, Perkhidmatan dilaksanakan menurut spesifikasi seperti yang ditentukan dalam **Jadual 1** dan jadual kerja seperti yang ditentukan dalam **Jadual 3** Perjanjian ini;
- (b) Syarikat hendaklah melantik seorang Pegawai Operasi yang bukan daripada kalangan Pengawal Keselamatan yang akan bertindak sebagai pegawai perhubungan (*liason officer*) antara Kerajaan dengan pihak Syarikat bagi tujuan Perjanjian ini. Syarikat hendaklah memaklumkan

kepada Kerajaan secara bertulis sekiranya terdapat pertukaran atau pelantikan Pegawai Operasi yang baharu;

- (c) Syarikat hendaklah menyediakan sesalinan kod etika, fungsi dan tanggungjawab Pengawal Keselamatan yang telah ditandatangani oleh Pengawal Keselamatan itu untuk diserahkan kepada Pengawal Keselamatan tersebut;
- (d) Syarikat hendaklah menjalankan siasatan awal dan melapor setakat yang munasabah aktiviti di Premis yang menimbulkan syak kepada Kerajaan atau wakilnya;
- (e) Syarikat hendaklah membenarkan mana-mana wakil Kerajaan yang diberi kuasa untuk memeriksa dan membuat lawatan di Premis pada bila-bila masa;
- (f) Syarikat hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas Pengawal Keselamatan yang didapati cuai dan melakukan kesalahan jenayah selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa;
- (g) Syarikat hendaklah memastikan Pengawal Keselamatan bersikap sopan-santun, bertatatertib dan mematuhi Peraturan-Peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan;
- (h) Syarikat hendaklah membekalkan segala alatan dan kelengkapan yang diperlukan oleh Pengawal Keselamatan dalam memberikan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini;
- (i) Syarikat hendaklah mematuhi syarat-syarat pemilikan dan pengendalian senjata api yang ditetapkan oleh Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 1 Tahun 2017 berhubung Permohonan dan Pengendalian Senjata Api oleh

Syarikat Kawalan Keselamatan Yang Berdaftar di Bawah Akta Agensi Persendirian 1971 atau sebarang garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dari semasa ke semasa;

- (j) Syarikat hendaklah memastikan Pengawal Keselamatan tidak melepaskan tembakan kecuali untuk mempertahankan nyawanya sendiri, orang awam atau harta benda di bawah kawalannya ketika terancam. Tembakan amaran adalah tidak dibenarkan sama sekali;
- (k) Syarikat hendaklah memastikan Pengawal Keselamatan tidak mengarahkan senjata api ke arah sesiapa pun tanpa sebab dan tidak bermain-main dengan senjata api semasa menjalankan Perkhidmatan;
- (l) Syarikat hendaklah memastikan Pengawal Keselamatan –
 - (i) bertanggungjawab menjaga keselamatan Premis dan harta benda Kerajaan dan mana-mana orang yang dibenarkan berada di Premis daripada kecurian, kerosakan dan kebakaran;
 - (ii) mengawal pintu utama dan pintu-pintu keluar masuk dan Premis;
 - (iii) membuat rondaan, tinjauan dan pemerhatian serta membuat *clocking* dengan menggunakan sistem [*watchman clock* atau *guard tour*] setiap jam sekali di tempat-tempat yang telah ditetapkan di **Rajah A**;
 - (iv) memastikan tiada orang awam atau mana-mana orang yang tidak berkenaan berada di Premis semasa aktiviti memungkah wang ke dalam karung dibuat;

- (v) tidak dibenarkan menerima kunci mana-mana pejabat Premis dan memasuki kawasan dalam pejabat di Premis kecuali diiringi kakitangan pejabat atau ketika kecemasan;
- (vi) sentiasa dalam keadaan bersedia dan tidak dibenarkan merokok, tidur, membaca majalah/suratkhobar dan berbual-bual semasa bertugas;
- (vii) melaporkan diri kepada Ketua Pengawal Keselamatan sebelum menjalankan tugas dan apabila hendak meninggalkan tugas. Kegagalan Pengawal Keselamatan berbuat demikian adalah dianggap tidak hadir bertugas dan tanpa menjejaskan hak Kerajaan di bawah Perjanjian ini, Kerajaan boleh mengenakan tolakan terhadap Syarikat sepertimana yang diperuntukan dalam **Klausu 6**;
- (viii) memastikan bahawa Pengawal Keselamatan memakai pakaian seragam yang diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri dan sentiasa menjaga ketrampilan diri bagi menjaga nama baik Kerajaan;
- (ix) menasihati pelanggan atau pelawat Kerajaan mengenai penguatkuasaan tempat larangan merokok di Premis;
- (x) memastikan catatan dalam buku laporan harian semua peristiwa, kejadian dan situasi di sepanjang masa Perkhidmatan;
- (xi) mengamalkan tatacara perhubungan awam yang baik semasa berhubung dengan orang awam, pegawai dan kakitangan Kerajaan demi menjaga imej Kerajaan; dan

- (xii) mengawal lalulintas semasa kesesakan dalam Premis dan memastikan semua pintu utama tidak terhalang dan lalulintas lancar sepanjang masa.

11.2. Kelengkapan dan Peralatan

- (a) Syarikat hendaklah menyediakan segala kelengkapan dan peralatan yang diperlukan oleh Pengawal Keselamatan sepertimana yang dinyatakan dalam **Jadual 4** bagi tujuan memberikan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini; dan
- (b) Syarikat hendaklah memastikan bahawa sepanjang Tempoh Perjanjian, segala peralatan dan kelengkapan sentiasa berada dalam keadaan baik, disenggara dengan teratur serta boleh berfungsi dengan sempurna pada setiap masa.

11.3. Laporan Harian dan Aduan

- (a) Syarikat hendaklah menyenggara buku laporan harian dan memastikan ia dilengkapkan pada setiap hari oleh Pengawal Keselamatan yang bertugas.
- (b) Pengawal Keselamatan yang bertugas hendaklah membuat aduan (serta-merta bagi keadaan kecemasan) dan laporan di dalam buku laporan harian berhubung setiap peristiwa atau apa-apa kejadian keselamatan.
- (c) Syarikat hendaklah menghantar laporan keanggotaan dan keadaan keselamatan setiap hari dan mengemukakannya kepada wakil Kerajaan untuk semakan.
- (d) Laporan bagi setiap hari hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada pukul 9.00 pagi hari yang berikutnya.

11.4. Perlindungan Insurans

- (a) Syarikat hendaklah mengambil perlindungan insurans bagi setiap Pengawal Keselamatan dan mana-mana pekerjaanya yang ditugaskan melaksanakan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini terhadap apa-apa kecederaan yang dialami oleh mereka semasa menjalankan tugas tersebut dan melainkan kecederaan tersebut disebabkan oleh kecuaiian Kerajaan.
- (b) Syarikat hendaklah menanggung rugi Kerajaan terhadap semua tindakan atau tuntutan yang berkenaan dengan kecederaan tersebut.

11.5. Keselamatan dan Kerahsiaan

- (a) Dalam menjalankan Perkhidmatan, Syarikat –
 - (i) tidak boleh menggunakan kebenaran yang diberikan kepadanya untuk memberi Perkhidmatan bagi mendapatkan sesuatu benda, dokumen, surat atau maklumat rasmi yang berkaitan dengan tugas atau tempat ia ditugaskan;
 - (ii) hendaklah mengawal dan menjaga keselamatan atau kerahsiaan benda, dokumen, surat atau maklumat rasmi itu yang diperolehi;
 - (iii) tidak boleh membantu atau membenarkan seseorang lain memiliki apa-apa benda, dokumen, surat atau maklumat rasmi yang berkaitan dengan tugas atau tempat di mana ia ditugaskan;
 - (iv) hendaklah menyerahkannya dengan serta-merta kepada Ketua Pengawal Keselamatan atau mana-mana pegawai awam yang bertugas di jika ia memperolehi atau memiliki

sesuatu benda, dokumen, surat atau maklumat rasmi sama ada dengan menjumpainya atau dengan apa cara sekalipun;

- (v) tidak boleh memiliki sesuatu anak kunci, lencana, alat, acuan, meteri atau cop yang berkaitan dengan tempat di mana Perkhidmatan telah, sedang dan akan dibuat; dan
 - (vi) hendaklah melaporkannya dengan segera kepada seorang pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada pangkat Inspektor jika dihampiri oleh seorang yang lain sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan tujuan mendapatkan sesuatu benda, dokumen, surat atau maklumat rasmi yang berkaitan dengan pejabat atau tempat ia ditugaskan.
- (c) Kegagalan Syarikat mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah **Klausula 11.5(a)** terjumlah sebagai suatu kesalahan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan dengan ini akan sentiasa memberikan hak kepada Kerajaan untuk menamatkan Perjanjian ini dan mendapatkan kembali daripada Syarikat jumlah sebarang kerugian yang timbul akibat daripada penamatan itu.

12. OBLIGASI KERAJAAN

Kerajaan hendaklah –

- (a) tertakluk kepada pematuhan Syarikat terhadap terma dan syarat Perjanjian ini, membuat bayaran bagi Perkhidmatan yang dilaksanakan sepertimana yang diperuntukkan dalam **Klausula 5** Perjanjian ini;
- (b) membenarkan Pengawal Keselamatan memasuki dan memeriksa mana-mana ruang di Premis dalam masa dan keadaan yang difikirkan oleh

Kerajaan adalah perlu bagi menjalankan tanggungjawab mereka di bawah Perjanjian ini DENGAN SYARAT Syarikat dan/atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Syarikat hendaklah sentiasa mematuhi apa-apa syarat keselamatan yang dikenakan oleh Kerajaan; dan

- (c) membenarkan Syarikat mengalih dan mengambil mana-mana kelengkapan dan harta kepunyaan Syarikat atas kos Syarikat di tempat-tempat berkawal dan dalam Premis apabila Perjanjian ini ditamatkan mengikut terma dan syarat yang diperuntukkan di dalamnya.

13. PENAMATAN PERJANJIAN OLEH KERAJAAN

13.1. Kemungkiran Perjanjian oleh Syarikat

Sepanjang Tempoh Perjanjian, sekiranya Syarikat –

- (a) gagal untuk mematuhi atau melaksanakan mana-mana terma atau syarat dalam Perjanjian ini;
- (b) gagal untuk melaksanakan Perkhidmatan dengan sempurna dan memuaskan; atau
- (c) menggantung pelaksanaan mana-mana bahagian atau keseluruhan Perkhidmatan, maka Kerajaan berhak untuk memberikan notis secara bertulis kepada Syarikat (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Notis Kemungkiran”) dengan menyatakan kemungkiran yang berlaku dan mengkehendaki Syarikat untuk meremedikan kemungkiran tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Notis Kemungkiran tersebut (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Tempoh Remedi”).

13.2. Jika Syarikat gagal untuk mengambil tindakan untuk meremedikan kemungkiran tersebut dalam Tempoh Remedi atau mana-mana tempoh lain yang dipersetujui oleh Kerajaan, maka Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta dengan memberikan notis bertulis kepada Syarikat (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Notis Penamatan”).

13.3. Kesan-kesan Penamatan oleh Kerajaan

13.3.1. Apabila Perjanjian ini ditamatkan mengikut **Klausu 13.2**,

(a) Kerajaan –

- (i) berhak menuntut daripada Syarikat ganti rugi, kerugian kos dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan akibat penamatan Perjanjian ini;
- (ii) berhak merampas keseluruhan atau sebahagian Bon Pelaksanaan;

PPUUNS:

Klausu ini hanya perlu dimasukkan sekiranya perjanjian ini mengandungi Klausu Bon Pelaksanaan.

- (iii) berhak mendapatkan Perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya daripada lain-lain punca dan Syarikat hendaklah menanggung kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan bagi meneruskan Perkhidmatan; dan
- (iv) tertakluk kepada apa-apa tolakan yang dibenarkan di bawah **Klausu 6**, hendaklah membayar kepada Syarikat

apa-apa pembayaran bagi Perkhidmatan yang perlu dibayar dan terakru di bawah Perjanjian ini setakat pada tarikh Notis Penamatan Perjanjian.

- (b) Syarikat hendaklah –
- (i) serta-merta menghentikan Perkhidmatan dan semua kuasa, obligasi dan hak yang diberikan kepada Syarikat dan wujud di bawah Perjanjian ini hendaklah tamat dengan serta-merta;
 - (ii) memasuki Premis untuk mengalih dan mengambil manamana kelengkapan atau harta kepunyaan Syarikat di tempat-tempat berkawal dan dalam kawasan perkhidmatan atas kos dan perbelanjaan Syarikat sendiri; dan
 - (iii) mengemukakan kepada Kerajaan laporan terperinci berhubung dengan bayaran Perkhidmatan dan lain-lain pembayaran yang tertunggak daripada Kerajaan (sekiranya ada) setakat pada tarikh Notis Penamatan Perjanjian untuk tujuan kelulusan dan pengesahan daripada Kerajaan.

13.3.2. Kedua-dua pihak bersetuju jika Perjanjian ditamatkan di bawah **Klausula 13.2**, Syarikat tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya selain dari yang diperuntukkan mengikut **Klausula 13.3.1(a)(iv)**. Pihak-pihak selanjutnya bersetuju bahawa pembayaran oleh Kerajaan menurut **Klausula 13.3.1(a)(iv)** adalah terjumlah kepada suatu penyelesaian penuh dan muktamad antara Pihak-Pihak.

13.4. Kemungkiran Am Perjanjian oleh Syarikat

Sepanjang Tempoh Perjanjian, sekiranya –

- (a) Mahkamah membuat suatu perintah atau suatu ketetapan diluluskan bahawa Syarikat itu digulung (bukan suatu penggulungan bagi maksud penyusunan atau penyatuan);
- (b) Syarikat pada bila-bila masa menjadi bankrap atau satu pemiutang melantik seorang penerima atau pengurus bagi pihak seseorang pemiutang dilantik bagi menguruskan aset Syarikat;
- (c) Syarikat membuat sesuatu pindah hak atau serah hak bagi faedah pemiutang atau membuat sesuatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pemiutang atau tidak berupaya menyelesaikan hutang;
- (d) tindakan dikenakan ke atas sebahagian besar aset Syarikat, melainkan Syarikat telah mengambil langkah dengan suci hati bagi mengeneipkan tindakan tersebut;
- (e) pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan sebagai pembekal kepada Kerajaan telah dibatalkan atau tidak diperbaharui;
- (f) lesen yang diberikan kepada Syarikat di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 [Akta 27] telah dibatalkan atau tidak diperbaharui;

maka Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat.

- 13.5. Apabila Perjanjian ditamatkan mengikut **Klausula 13.4**, kesan-kesan penamatan seperti di **Klausula 13.3** adalah terpakai.

14. PENAMATAN PERJANJIAN OLEH SYARIKAT

14.1. Kemungkinan Perjanjian oleh Kerajaan

Syarikat berhak menamatkan Perjanjian ini jika –

- (a) Kerajaan tanpa sebab yang munasabah gagal untuk membuat Bayaran Perkhidmatan kepada Syarikat dalam tempoh masa yang ditetapkan; atau
- (b) Kerajaan tanpa sebab yang munasabah gagal untuk melaksanakan atau memenuhi mana-mana obligasinya yang secara langsung menjejaskan obligasi Syarikat di bawah Perjanjian ini.

14.2. Jika keadaan yang dinyatakan di bawah **Klausu 14.1** berlaku, maka Syarikat boleh memberikan notis secara bertulis yang memaklumkan keingkaran tersebut kepada Kerajaan dan mengkehendaki Kerajaan meremedikan kemungkinan yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh penerimaan notis atau mana-mana tempoh yang dipersetujui oleh PihakPihak.

14.3. Jika keadaan di bawah **Klausu 14.1** masih berterusan selepas tempoh yang ditetapkan atau tempoh lain yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak, maka Syarikat boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan Notis Penamatan kepada Kerajaan.

14.4. Kesan Penamatan oleh Syarikat

14.4.1. Apabila Perjanjian ini ditamatkan mengikut **Klausu 14.3** –

- (a) Syarikat hendaklah serta-merta menghentikan Perkhidmatan dan semua kuasa, obligasi dan hak yang diberikan kepada Syarikat

dan wujud di bawah Perjanjian ini hendaklah tamat dengan sertamerta;

- (b) Syarikat hendaklah memasuki Premis untuk mengalih dan mengambil mana-mana kelengkapan atau harta kepunyaan Syarikat di tempat-tempat berkawal dan dalam kawasan perkhidmatan atas kos dan perbelanjaan Syarikat sendiri;
- (c) Syarikat hendaklah mengemukakan kepada Kerajaan laporan terperinci berhubung dengan Bayaran Perkhidmatan dan lain-lain pembayaran yang tertunggak daripada Kerajaan (sekiranya ada) setakat pada tarikh Notis Penamatan Perjanjian untuk tujuan kelulusan dan pengesahan daripada Kerajaan; dan
- (d) tertakluk kepada apa-apa tolakan yang dibenarkan di bawah **Klausu 6** bagi Perkhidmatan yang telah diberikan oleh Syarikat sehingga tarikh penamatan Perjanjian, Kerajaan hendaklah membayar kepada Syarikat apa-apa pembayaran bagi Perkhidmatan yang perlu dibayar dan terakru di bawah Perjanjian ini setakat pada tarikh Notis Penamatan Perjanjian.

14.4.2. Kedua-dua pihak bersetuju jika Perjanjian ditamatkan di bawah **Klausu 14.3**, Syarikat tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya selain dari yang diperuntukkan mengikut **Klausu 14.4.1(d)**. Pihak-pihak selanjutnya bersetuju bahawa pembayaran oleh Kerajaan menurut **Klausu 14.4.1(d)** adalah terjumlah kepada suatu penyelesaian penuh dan muktamad antara Pihak-Pihak.

15. PENAMATAN KERANA RASUAH, AKTIVITI HARAM, ATAU MENYALAH UNDANG-UNDANG

- 15.1. Tanpa menjejaskan apa-apa hak Kerajaan yang lain, jika Kerajaan berpuas hati bahawa Syarikat, prinsipal, personel atau pekerjanya disabitkan oleh mahkamah bagi perbuatan rasuah atau aktiviti haram atau menyalahi undang-undang berkaitan dengan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain yang dimasuki oleh Syarikat dengan Kerajaan, Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta dengan memberikan notis secara bertulis kepada Syarikat.
- 15.2. Jika Perjanjian ini ditamatkan mengikut **Klausula 15.1**, kesan-kesan penamatan mengikut **Klausula 13.3** adalah terpakai.

16. PENAMATAN ATAS KEPENTINGAN NEGARA, KESELAMATAN NEGARA ATAU POLISI KERAJAAN

- 16.1. Walau apa pun peruntukan dalam Perjanjian, Kerajaan boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis tidak kurang daripada tempoh tiga puluh (30) hari (tanpa sebarang obligasi untuk menyatakan sebabnya), jika Kerajaan berpandangan penamatan tersebut perlu atas sebab kepentingan negara, keselamatan negara, dasar Kerajaan atau dasar awam.
- 16.2. Bagi maksud Klausula ini, penentuan “Kepentingan Negara”, “Keselamatan Negara”, “Dasar Kerajaan” atau “Dasar Awam” hendaklah ditentukan oleh Kerajaan. Penentuan tersebut hendaklah bagi apa-apa tujuan dan niat, adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
- 16.3. Jika Perjanjian ditamatkan mengikut **Klausula 16.1**, kesan-kesan penamatan mengikut **Klausula 14.4** adalah terpakai.

16.4. Pihak-Pihak bersetuju bahawa Syarikat tidak layak untuk menuntut apa-apa bentuk ganti rugi yang lain termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan atau apa-apa tuntutan lain berbangkit daripada penamatan Perjanjian ini.

17. **“FORCE MAJEURE”**

17.1. Syarikat dan Kerajaan adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam menjalankan Perjanjian ini, jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan *Force Majeure*. Dalam keadaan ini, yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat menyempurnakan Perjanjian ini, Perjanjian ini boleh ditamatkan dengan persetujuan Pihak-Pihak tanpa apa-apa pampasan. Kejadian *Force Majeure* hendaklah bermaksud:

- (a) peperangan (sama ada ia diisytiharkan atau tidak), pertempuran, penaklukan atau tindakan oleh musuh-musuh asing;
- (b) pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan pengganas;
- (c) bencana alam termasuk, tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir, kebakaran bawah tanah yang spontan, tsunami (ombak besar) atau apa-apa bencana alam yang secara munasabahnyanya seseorang yang berpengalaman tidak dijangka untuk mengambil langkah-langkah beringat-ingat;
- (d) letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;
- (e) tekanan gelombang yang disebabkan oleh kapal terbang atau apa-apa peranti aerial yang bergerak dalam kelajuan sonik atau supersonik;
- (f) rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam; atau

- (g) sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang lain yang di luar kawalan mana-mana Pihak.
- 17.2. Jika berlaku sesuatu kejadian *Force Majeure* yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat melaksanakan apa-apa obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) yang terjejas akibat daripada kejadian *Force Majeure* tersebut, Pihak tersebut hendaklah dengan serta-merta memaklumkan akan kejadian *Force Majeure* tersebut kepada Pihak yang satu lagi dan diikuti dengan butir-butir terperinci mengenai kejadian *Force Majeure* dan kesannya kepada pelaksanaan Perjanjian ini.
- 17.3. Mana-mana Pihak tidak boleh menggunakan mana-mana peruntukan dalam klausa ini jika Pihak-Pihak telah memutuskan secara munasabah bahawa satu kejadian *Force Majeure* tidak berlaku.
- 17.4. Syarikat hendaklah membuktikan bahawa kejadian *Force Majeure* betul-betul berlaku sebelum Syarikat dapat melepaskan tanggungjawabnya mengikut **Klausa 17.1**.
- 17.5. Jika Perjanjian ini ditamatkan di bawah **Klausa 17.1** di atas, semua hak dan obligasi Pihak-Pihak di bawah Perjanjian ini hendaklah terhenti dan mana-mana Pihak tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap Pihak yang satu lagi dan masing-masing tidak bertanggung terhadap satu sama lain melainkan berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut.
- 17.6. Bagi mengelakkan apa-apa keraguan, Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini hendaklah terus melaksanakan obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini yang tidak terjejas, tertanggung atau terganggu oleh kejadian *Force Majeure* dan obligasi berkenaan hendaklah terus berkuat kuasa sementara menunggu pelaksanaan peruntukan klausa ini.

18. PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- 18.1. Apa-apa hal, pertikaian, percanggahan atau persoalan yang timbul daripada atau berkenaan dengan Perjanjian ini (kecuali pertikaian atau perbezaan yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan peruntukan **Klausu 15** dan **Klausu 16**) atau pelanggaran atau penamatannya dan ia tidak dipersetujui oleh Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini hendaklah diselesaikan secara baik dan aman oleh Pihak-Pihak.
- 18.2. Jika hal, pertikaian, percanggahan atau persoalan tersebut tidak dapat diselesaikan secara baik dan aman oleh Pihak-Pihak, hal, pertikaian atau tuntutan tersebut bolehlah dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian yang terdiri daripada –
- (a) Pengarah / Ketua Jabatan atau mana-mana Pegawai yang dilantik olehnya sebagai Pengerusi;
 - (b) seorang (1) wakil yang dilantik oleh pihak Kerajaan; dan
 - (c) seorang (1) wakil yang dilantik oleh pihak Syarikat.
- 18.3. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian boleh melantik seorang pakar bebas bagi memberi nasihat ke atas sebarang perkara yang dirujuk kepadanya dan segala kos, yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pakar bebas yang dilantik tersebut hendaklah dikongsi sama rata oleh kedua-dua Pihak.
- 18.4. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah menentukan prosedur-prosedurnya sendiri bagi Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah berjumpa dan berusaha untuk mencapai jalan penyelesaian secara baik di antara Pihak-Pihak tentang perkara yang dirujuk kepadanya.
- 18.5. Jika sebarang perkara, pertikaian atau tuntutan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tidak dapat dipersetujui oleh kedua-dua

Pihak dalam masa tiga puluh (30) hari selepas tarikh kes dirujuk, maka kedua-dua Pihak bolehlah merujuk perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut kepada penimbang tara menurut peruntukan **Klausu 19**.

- 18.6. Setiap ahli Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian termasuk Pengerusi hendaklah mempunyai satu (1) undi.
- 18.7. Apa-apa keputusan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian adalah muktamad dan hendaklah mengikat Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini.

19. TIMBANG TARA

- 19.1. Jika berlaku apa-apa pertikaian, perbezaan, perkara atau tuntutan yang dinyatakan dalam **Klausu 18** di atas tidak dapat diselesaikan oleh Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian, maka pertikaian, perbezaan, perkara atau tuntutan itu hendaklah dirujuk kepada penimbang tara yang dipersetujui oleh pihak-pihak kepada perjanjian ini.
- 19.2. Sekiranya tiada persetujuan, penimbang tara hendaklah dilantik atas permohonan salah satu pihak kepada Perjanjian ini oleh Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau di Kuala Lumpur dan apa-apa rujukan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai pengemukaan kepada timbang tara mengikut pengertian Akta Timbang Tara 2005 [Akta 646]. Keputusan penimbang tara adalah muktamad dan mengikat Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini.
- 19.3. Setiap timbang tara hendaklah didengar di Pusat Timbang Tara Serantau di Kuala Lumpur dengan menggunakan semua peraturan-peraturan, kemudahan dan sistem yang ada di Pusat Timbang Tara tersebut atau mana-mana tempat yang akan ditentukan oleh penimbang tara dan dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat.

19.4. Rujukan berkenaan apa-apa pertikaian, perbezaan, perkara atau tuntutan kepada timbang tara menurut **Klausu 19** ini dan/atau penerusan apa-apa prosiding timbang tara yang berbangkit daripada rujukan itu tidak, dengan apa-apa cara, bertindak sebagai penepian tanggungjawab Pihak-Pihak untuk melaksanakan obligasi mereka masing-masing di bawah Perjanjian ini.

20. TANGGUNG RUGI (INDEMNITI)

Syarikat hendaklah menanggung rugi Kerajaan, pekerjaanya dan agennya daripada dan terhadap segala tindakan, prosiding, kehilangan, kerugian, ganti rugi, pampasan, kos (termasuk kos undang-undang), caj dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh atau dikenakan ke atas Kerajaan bagi atau akibat kehilangan, kerosakan harta atau kecederaan diri yang berpunca daripada tindakan, kecuaiian atau ketidakjujuran Syarikat, Pengawal Keselamatan atau mana-mana pekerja Syarikat.

21. NOTIS

21.1. Apa-apa notis, persetujuan, kebenaran, permohonan atau apa-apa komunikasi lain yang perlu diberi atau dibuat di bawah Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dalam Bahasa Malaysia. Notis persetujuan, kebenaran atau permintaan itu hendaklah disifatkan sebagai telah diberi atau dibuat apabila ia telah disampaikan dengan tangan, pos atau faks kepada Pihak yang satu lagi kepada alamat yang ditetapkan seperti yang dinyatakan di bawah atau di alamat lain sebagaimana yang ditetapkan oleh mana-mana Pihak kepada Perjanjian ini dari masa ke semasa secara bertulis:

(a) bagi pihak Kerajaan;

.....
[alamat]

No. telefon :

No. faks :

(b) bagi pihak Syarikat:

Ketua Pegawai Eksekutif

Syarikat Sdn. Bhd

[AlamatSdn. Bhd.]

No. telefon:

No. faks :

21.2. Pihak-pihak hendaklah memberi notis bertulis kepada Pihak yang satu lagi dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh pertukaran alamat atau nombor faksimili jika berlaku pertukaran alamat yang dinyatakan **Klausu 21.1**.

22. PENEPIAN HAK

Kegagalan mana-mana Pihak untuk melaksanakan apa-apa hak, remedi atau peruntukan di bawah Perjanjian ini, pada bila-bila masa, tidak akan terjumlah kepada suatu penepian hak, melainkan jika ia telah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh Kerajaan atau Syarikat atau seseorang yang diberi kuasa secara nyata oleh Kerajaan atau Syarikat untuk tujuan tersebut.

23. KONTRAK KECIL

23.1. Syarikat tidak boleh memberi kontrak kecil terhadap Perjanjian ini atau mana-mana bahagian Perjanjian ini kepada mana-mana pihak lain tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kerajaan.

23.2. Jika Perjanjian ini atau mana-mana bahagian daripadanya diberi kontrak kecil kepada mana-mana pihak lain (kemudian daripada ini disebut sebagai "Kontraktor

Kecil”) dengan persetujuan bertulis Kerajaan, Syarikat bersetuju tanpa syarat untuk terus bertanggungjawab secara berterusan dan secara sendiri dan peribadi bagi memastikan Kontraktor Kecil mematuhi terma dan syarat dalam Perjanjian ini.

23.3. Syarikat tidak boleh mempertanggungjawabkan kepada pihak ketiga apa-apa jua daripada wang yang kena dibayar oleh Kerajaan di bawah Perjanjian ini dan apa-apa faedah yang terlibat dari atau mungkin terbit daripada Perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Kerajaan.

23.4. Sebarang isu yang timbul antara Syarikat dan Kontraktor Kecil mengenai Perjanjian ini atau hal-hal lain adalah di luar tanggungjawab Kerajaan.

24. SERAH HAK

Syarikat tidak boleh menyerahkan hak Perjanjian ini atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau menggadai janji, menggadai atau mempertanggungjawabkan apa-apa juga daripada wang yang kena dibayar atau yang telah genap masanya untuk dibayar di bawah Perjanjian ini dan apa-apa faedah yang terlibat dengan atau yang mungkin terbit daripada Perjanjian ini tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Kerajaan.

25. KOS DAN DUTI SETEM

Apa-apa kos dan duti setem yang harus dibayar berkenaan dengan Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh Syarikat.

26. PEMAKAIAN DAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

- 26.1. Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan Pihak-Pihak bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah di Malaysia.
- 26.2. Syarikat hendaklah mematuhi segala peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, arahan, perintah atau kehendak yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten untuk berbuat demikian di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.
- 26.3. Syarikat hendaklah memastikan Pengawal Keselamatan dan mana-mana Kontraktor Kecil yang dilantik di bawah **Klausu 23** turut mematuhi segala peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, arahan, perintah atau kehendak yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten untuk berbuat demikian di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

27. PINDAAN

Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis melalui suatu Perjanjian Tambahan dan ditandatangani oleh kedua-dua Pihak.

28. KERAHSIAAN

- 28.1. Syarikat tidak boleh menzahirkan kepada mana-mana orang atau mana-mana pihak apa-apa maklumat yang ditemuinya atau yang dizahirkan kepadanya bagi maksud pelaksanaan Perjanjian ini antara Pihak-Pihak.
- 28.2. **Klausu 28.1** hendaklah terus berkuat kuasa walaupun setelah Perjanjian ini ditamatkan atas apa-apa sebab sekalipun.

29. MASA

Masa hendaklah menjadi intipati kepada Perjanjian ini.

30. IKATAN PERJANJIAN

Perjanjian ini hendaklah mengikat ejen-ejen, wasi-wasi, pentadbir-pentadbir, pengganti-pengganti dan penerima pindah hak milik Syarikat.

31. IKLAN

Syarikat tidak boleh menyiarkan iklan mengenai Perjanjian ini di dalam sebarang akhbar, majalah atau lain-lain media tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Kerajaan

32. DOKUMEN PERJANJIAN

Jadual kepada Perjanjian ini hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian yang penting kepada Perjanjian ini.

33. KEBOLEHASINGAN

Jika mana-mana klausa atau bahagian dalam Perjanjian ini didapati menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuat kuasakan di bawah undang-undang, klausa tersebut hendaklah diasingkan sepenuhnya dan Perjanjian ini hendaklah ditafsir dan dikuat kuasakan seolah-olah klausa yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuat kuasakan tersebut tidak pernah terkandung sebagai daripada Perjanjian ini dan klausa-klausa lain hendaklah kekal berkuat kuasa sepenuhnya dan mempunyai kesan seolah-olah Perjanjian ini telah diikat tanpa klausa yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuat kuasakan tersebut.

34. KESELURUHAN PERJANJIAN

Perjanjian ini mengandungi keseluruhan persetujuan dan persefahaman di antara Pihak-Pihak berkenaan dengan Perkhidmatan dan mengatasi serta membatalkan keseluruhan mana-mana perjanjian, kontrak, representasi, persetujuan, surat rundingan, persefahaman, syarat-syarat dan terma-terma terdahulu sebelum Perjanjian ini berkuat kuasa sama ada secara langsung atau tidak langsung, di antara Pihak-Pihak terhadap atau berkaitan dengan Perkhidmatan atau perkara-perkara yang melibatkan Perkhidmatan dalam Perjanjian ini.

(Bahagian bawah muka surat ini sengaja ditinggalkan kosong)

PADA MENYAKSIKAN PERJANJIAN, Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun mula-mula yang tertulis di atas.

Ditandatangani oleh:)
untuk dan bagi pihak)
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN)

di hadapan:)
)
)
)

Meterai Rasmi)
SYARIKAT.....SDN. BHD.)
(No. Syarikat:)

telah diturunkan)
di hadapan:)
)
)

.....
(Pengarah)

.....
(Pengarah/ Setiausaha Syarikat)

JADUAL 1 SKOP PERKHIDMATAN

1. Tanggungjawab Pengawal Keselamatan

Pengawal Keselamatan hendaklah melaksanakan arahan dan tugas yang ditetapkan seperti berikut:

- (a) wajib memakai pakaian seragam lengkap semasa menjalankan tugas;
- (b) membantu memastikan keadaan dikawal dengan mewujudkan zon kecemasan semasa berlaku kecemasan tidak terhad seperti kebakaran, bencana alam, ancaman bom dan latihan kebakaran;
- (c) menghalang segala aktiviti seperti menjaja, mengedarkan risalah, mengutip derma, berniaga atau sebarang aktiviti yang tidak mendapat kebenaran di Premis;
- (d) menasihati pelawat dan pelanggan tentang penguatkuasaan tempat larangan merokok;
- (e) mengawasi dan mencegah pelawat dan pelanggan daripada mengambil gambar di dalam kawasan larangan/tempat larangan tanpa kebenaran;
- (f) tidak menggunakan telefon bimbit, merokok, tidur, mabuk atau lain-lain perbuatan yang melanggar etika Pengawal Keselamatan yang boleh menjejaskan imej Kerajaan;
- (g) memeriksa dan membuat catatan dalam buku laporan segala maklumat seperti jawatan, nombor kad pengenalan, nombor kenderaan dan lain-lain pengenalan individu yang memasuki kawasan pada waktu pejabat dan

selepas waktu pejabat termasuk pada hari cuti umum atau hari kelepasan am;

- (h) memeriksa mana-mana pelawat dan kakitangan Kerajaan sekiranya terdapat sebab yang munasabah bagi mengesyaki bahawa orang itu telah atau akan melakukan kesalahan jenayah atau mengganggu atau menyusahkan orang ramai dan melaporkan dengan serta-merta kepada Kerajaan;
- (i) menggunakan punch card atau *thumb print* bagi mengesahkan kehadiran semasa masuk dan selepas kerja;
- (j) membuat rondaan dengan menggunakan sistem *watchman clock* atau *guard tour* (mana-mana yang berkenaan) di tempat-tempat yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- (k) membuat *clocking* setiap ... jam sekali di tempat-tempat yang telah ditetapkan di bawah Perjanjian;
- (l) membuat catatan dalam buku laporan harian semua peristiwa, kejadian dan situasi di sepanjang masa kawalan. Setiap penemuan kejadian yang boleh mengancam keselamatan hendaklah dilaporkan segera kepada Kerajaan;
- (m) melindungi seluruh kawasan Premis termasuk harta benda dan individu yang dibenarkan berada di Premis;
- (n) mengawal lalulintas semasa kesesakan di dalam Premis dan memastikan pintu-pintu utama tidak terhalang dan lalulintas berjalan lancar pada setiap masa;

- (o) menguatkuasakan sistem pemakaian pas keselamatan dan pelekat kenderaan, sekiranya berkaitan;
- (p) memastikan semua kenderaan diletakkan di tempat letak kereta yang disediakan;
- (q) mengamalkan tatacara perhubungan awam yang baik semasa berhubung dengan orang awam, pegawai dan kakitangan Kerajaan demi menjaga imej Jabatan;
- (r) memastikan pintu-pintu masuk utama dan keluar ditutup pada waktu yang telah ditetapkan oleh Kerajaan; dan
- (s) memastikan para pelawat mematuhi waktu melawat yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan dari masa ke semasa;
- (t) memastikan urusan cash-in-transit berjalan lancar;
- (u) mengawal kaunter hasil Jabatan.....
- (v) mengiringi pegawai Kerajaan bagi urusan penghantaran wang tunai ke Unit Hasil;
- (w) menyerahkan Penyata Pemungut kepada pihak bank untuk mendapatkan cetakan pengesahan daripada pihak bank terhadap penerimaan jumlah wang yang didepositkan;
- (x) membawa balik Penyata Pemungut yang telah disahkan oleh pihak bank untuk diserahkan kembali kepada Unit Hasil;

- (y) bertanggungjawab ke atas keselamatan wang tunai, cek dan wang pos yang diambil daripada Unit Hasil seperti yang tercatat pada resit CIT sehingga dibankkan;
- (z) membayar balik amaun yang sama kepada pihak Jabatan sekiranya wang tunai, cek dan wang pos yang diambil daripada Unit Hasil mengalami sebarang kerugian semasa berada dalam simpanan atau tanggungjawab Pengawal Keselamatan;
- (aa) pemandu kenderaan CIT tidak dibenarkan menghentikan kenderaan di mana-mana tempat yang tidak berkaitan semasa dalam perjalanan membawa wang ke bank;

PPUUNS:

1. Senarai di atas hanya merupakan panduan sahaja.
2. Senarai tanggungjawab Pengawal Keselamatan hendaklah disesuaikan mengikut keperluan dan kesesuaian Jabatan masing-masing.

2. Tanggungjawab Ketua Pengawal Keselamatan

Ketua Pengawal Keselamatan hendaklah bertanggungjawab seperti berikut:

- (a) memastikan setiap Pengawal Keselamatan datang bekerja pada masa yang ditetapkan;
- (b) menggantikan Pengawal Keselamatan sekiranya berlaku kekurangan Pengawal Keselamatan bagi sesuatu syif;

- (c) mencatat senarai nama Pengawal Keselamatan yang bertugas pada setiap hari untuk semua syif dan menyerahkan laporan kehadiran Pengawal Keselamatan kepada wakil Kerajaan;
- (d) menyediakan dan mengemukakan laporan harian kepada wakil Kerajaan;
- (e) memastikan pondok pengawal keselamatan dan kaunter pengawal adalah dalam keadaan bersih, kemas dan teratur pada setiap masa;
- (f) memastikan setiap Pengawal Keselamatan menggunakan '*punch card*' atau '*thumb print*' mengikut mana yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan bagi memastikan kehadiran semasa masuk dan selepas kerja;
- (g) memastikan setiap Pengawal Keselamatan memakai pakaian seragam yang lengkap, tanda nama dan kad pengenalan kerja dengan kemas setiap hari;
- (h) memastikan kekemasan anggota Pengawal Keselamatan daripada aspek pemakaian dan penampilan seperti berambut pendek (tidak berfesyen), janggut dan misai yang sentiasa kemas dan kuku yang pendek dan bersih;
- (i) memastikan Pengawal Keselamatan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan berdisiplin;
- (j) memastikan Pengawal Keselamatan yang bertugas tidak meninggalkan tempat tugas, tidur, cuai atau leka semasa bertugas;
- (k) memastikan kawad '*roll-call*' diadakan setiap pagi dan setiap kali pertukaran syif bagi tujuan memupuk disiplin, menerima arahan dan maklumat-maklumat terkini dan di dalam keadaan tertentu, latihan kawad perlu dilaksanakan atas arahan Kerajaan;

- (l) melaporkan kepada Kerajaan ataupun wakil Kerajaan jika Pengawal Keselamatan gantian gagal diperolehi atau hadir;
- (m) menyediakan dan menyerahkan laporan rondaan kepada wakil kerajaan;
- (n) menyerahkan laporan bertulis dalam tempoh 24 jam atau selama tempoh yang ditentukan oleh Kerajaan sekiranya berlaku sebarang pelanggaran keselamatan seperti kecurian, kebakaran, pergaduhan dan lain-lain perkara yang boleh disifatkan sebagai pelanggaran keselamatan; dan
- (o) mengesahkan buku rekod pergerakan keluar masuk bagi anggota Pengawal Keselamatan.

PPUUNS:

1. Senarai di atas hanya merupakan panduan sahaja.
2. Senarai tanggungjawab Ketua Pengawal Keselamatan hendaklah disesuaikan mengikut keperluan dan kesesuaian Jabatan masing-masing.

3. Tanggungjawab Pegawai Operasi

Pegawai Operasi hendaklah bertanggungjawab seperti berikut:

- (a) boleh dihubungi oleh wakil Kerajaan sepanjang masa termasuk pada hari cuti umum;
- (b) menyediakan laporan bulanan yang perlu dikemukakan kepada pihak Kerajaan tidak lewat daripada tujuh (7) haribulan bagi setiap bulan;
- (c) hadir bersama dengan pihak pengurusan Syarikat ke mesyuarat yang diadakan secara berkala oleh Kerajaan;

- (d) menyediakan nombor telefon kecemasan seperti nombor telefon Balai Polis, Hospital, Bomba dan agensi-agensi yang berkaitan di Premis dan diletakkan di setiap pos kawalan bagi persediaan menghadapi sebarang kemungkinan termasuk juga nombor-nombor penting bagi syarikat dan Kerajaan; dan
- (e) melakukan pemantauan secara berkala tidak kurang daripada satu kali *(1) seminggu ke atas Pengawal Keselamatan yang bertugas di Premis.

PPUUNS

* tertakluk kepada rundingan dengan Jabatan

* bagi kawasan pedalaman, pemantauan hendaklah dilaksanakan tidak kurang dua (2) kali sebulan.

JADUAL 2 PREMIS

PPUUNS

1. Senarai Premis hendaklah disesuaikan mengikut keperluan Jabatan masing-masing.
2. Sebagai contoh, bagi Jabatan yang melantik syarikat yang sama bagi membekalkan perkhidmatan kawalan keselamatan di beberapa premis lain dalam zon yang sama, senarai premis boleh ditetapkan dalam Jadual.
3. Walau bagaimanapun, bagi Jabatan yang hanya memerlukan perkhidmatan kawalan keselamatan di satu premis sahaja, alamat premis tersebut boleh diperuntukkan dalam klausa tafsiran Premis sahaja (Klausa 1.1).

JADUAL 3
PERIHAL KAWALAN KESELAMATAN,
JUMLAH PENGAWAL KESELAMATAN DAN JUMLAH JAM BEKERJA
DI JABATAN KERAJAAN

Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (2 Syif)

Bil	Perihal Kawalan	Syif 1 12 Jam (7 Pg-7 Ptg)		Syif 2 12 Jam (7 Ptg – 7 Mlm)		Jumlah Anggota	Jumlah Jam Bekerja (Jam)
		BA	BJB (jam)	BA	BJB (jam)		
1.	Pos Utama						
2.	Lobi Utama						
3.	Lobi Aras Bawah						
4.	Rondaan						
5.	Ketua Pengawal Keselamatan						
	JUMLAH						

SENARAI RINGKASAN

1. BA = Bilangan Anggota
2. BJB = Bilangan Jam Bekerja

PPUUNS:

1. Ruang Perihal Kawalan adalah bergantung kepada keperluan Jabatan masing-masing;
2. Jumlah syif bagi Perkhidmatan yang perlu diberikan oleh Syarikat hendaklah ditentukan oleh Jabatan masing-masing;

3. Kadar bayaran Kerajaan kepada Syarikat adalah berdasarkan kepada kadar sejam yang telah ditetapkan dalam **Jadual 6** (Jadual Kadar Harga). Syarikat hendaklah membayar Pengawal Keselamatan kadar bayaran lebih masa yang tidak kurang daripada 1.5 kali kadar bayaran sejam bagi Pengawal Keselamatan yang menjalankan tugas melebihi lapan (8) jam sehari tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa).

RAJAH A

PETA KAWASAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN YANG DIBERIKAN OLEH SYARIKAT DI

PPUUNS:

1. Peta Kawasan adalah bergantung kepada keperluan Jabatan masing-masing;
2. Jabatan hendaklah melengkapkan jadual ini dengan memperuntukkan peta kawasan di mana Perkhidmatan Pengawal Keselamatan diperlukan bagi tujuan Perjanjian, sekiranya perlu. Sekiranya tidak, Rajah ini tidak perlu diperuntukkan dan pindaan sewajarnya hendaklah dibuat kepada **Klausu 2** Perjanjian ini.

JADUAL 4
KELENGKAPAN DAN PERALATAN

BIL	KELENGKAPAN DAN PERALATAN	KUANTITI
1.	Pakaian Seragam Lengkap	
2.	Mesin perakam waktu	
3.	Walkie-Talkie	
4.	Wisel	
5.	Cota	
6.	Sistem Watchman Clocking atau Guard Tour	
7.	Meja	
8.	Kerusi	
9.	Lampu Suluh	
10.	Baju Hujan	
11.	Vest	
12.	Perlatan <i>Clamping</i>	
13.	Kon	
14.	" <i>First Aid Kit</i> " di pejabat urusan/operasi di pos utama	
15.	Kenderaan yang bersesuaian dengan urusan CIT	
16.	Jaket dan helmet kalis peluru	

PPUUNS:

1. Senarai di atas hanya merupakan suatu panduan sahaja.
2. Senarai kelengkapan dan peralatan yang diperlukan hendaklah disesuaikan menurut keperluan Jabatan masing-masing.

JADUAL 5A
ANGGARAN NILAI PERJANJIAN

BIL	NAMA PREMIS /POS	BIL PENGAWAL		KADAR HARGA (RM)		
		Syif 1	Syif 2	Sejam / Pengawal	Sebulan (tanpa GST)	Sebulan (dengan GST)
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						
	JUMLAH					
	ANGGARAN NILAI PERJANJIAN					

PPUUNS:

Jadual di atas hanya merupakan panduan sahaja. Jabatan hendaklah melengkapkan jadual di atas menurut keperluan dan kadar harga dipersetujui masing-masing bagi memberikan gambaran keseluruhan anggaran nilai perjanjian berdasarkan premis/pos yang menggunakan Perkhidmatan.

JADUAL 5B
BAYARAN PERKHIDMATAN

(A) FORMULA PENETAPAN BAYARAN PERKHIDMATAN

1. Keperluan Anggota termasuk Ketua : anggota
2. Jumlah jam bekerja sehari : jam bekerja
3. Harga 1 jam bekerja : RM
4. Harga jam bekerja sehari : RM
5. Harga hari (jumlah hari sebenar dalam sebulan) : RM

(B) BAYARAN BULANAN

1. Bayaran Perkhidmatan akan dibuat kepada Syarikat secara bulanan selepas Perkhidmatan dilaksanakan.
2. Bayaran hendaklah dibuat setelah Perkhidmatan diberikan dan Syarikat hendaklah mengemukakan tuntutan bayaran tidak lewat daripada 10 haribulan bagi setiap bulan kalendar.
3. Tuntutan bayaran hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen antara lainnya seperti berikut:

(a) Dokumen Pengesahan Perkhidmatan

- (i) Invois tuntutan yang lengkap;
- (ii) Borang BPPA PKK A – Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan;
- (iii) Borang BPPA PKK 1 – Borang Pengesahan & Rekod
Ketidakhadiran Pengawal;
- (iv) Borang BPPA PKK 2 – Borang Pengesahan Kehadiran Pengawal;
- (v) Borang BPPA PKK 3 – Laporan Pengesahan Pelaksanaan Kunci

Jam “*Watchman Clock*”;

- (vi) Borang BPPA PKK 4 – Laporan Pengesahan Status Peralatan Yang Dibekalkan oleh Syarikat;
- (vii) BPPA PK 5 (A) – Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan & Pengurusan Pengawal; dan
- (viii) BPPA PKK 5 (B) – Rumusan Pelaksanaan Perkhidmatan & Pengurusan Pengawal.

(b) Dokumen Berkaitan Kontrak

- (i) Salinan Surat Setuju Terima (SST);
- (ii) Salinan muka hadapan kontrak;
- (iii) Salinan muka surat yang ada dinyatakan tempoh kuatkuasa kontrak;
- (iv) Salinan muka surat kontrak yang ditandatangani; dan
- (v) Salinan Jadual Tawaran Harga.

(c) Dokumen Sokongan Yang Lain

- (i) Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF);
- (ii) Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- (iii) Salinan Sijil Lesen Menjalankan Urusan Agensi Persendirian (KDN);
- (iv) Salinan bukti Pengawal Keselamatan telah menjalani tapisan keselamatan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN);
- (v) Salinan Bon Pelaksanaan; dan
- (vi) Salinan Buku Bank / Penyata Kewangan.

(d) Dokumen Tambahan Yang Lain (Jika Berkaitan)

- (i) Salinan Surat Setuju Terima bagi pertambahan atau pindaan daripada Kontrak Asal;
- (ii) Salinan Perjanjian Pemfaktoran; dan
- (iii) Salinan Buku Bank / Penyata Kewangan Bank Pemfaktoran.

4. Senarai dokumen di perenggan (3) di atas adalah tidak *exhaustive* dan Kerajaan berhak mengarahkan Syarikat mengemukakan dokumen lain yang diperlukan dari semasa ke semasa berdasarkan peraturan semasa Kerajaan yang berkuat kuasa.

PPUUNS:

1. Jabatan hendaklah melengkapkan kadar harga di atas;
2. Jabatan hendaklah memastikan kadar harga yang ditetapkan adalah mematuhi undang-undang semasa yang terpakai dan berkuat kuasa.

JADUAL 6
TOLAKAN

BIL	PELANGGARAN	FORMULA PENOLAKAN
1.	Syarikat gagal menempatkan Pengawal Keselamatan di Premis pada satu-satu masa	$KHS \times \text{Bil. Pengawal Tidak Hadir} \times \text{Bil. Hari / Jam Ketiadaan Pengawal Keselamatan}$
2.	Syarikat tidak dapat menyediakan atau menempatkan bilangan Pengawal Keselamatan mengikut cara, masa dan tempat yang ditetapkan dalam Jadual 3	$KHS \times \text{Bil. Pengawal Tidak Hadir} \times \text{Bil. Jam Ketiadaan Pengawal Keselamatan}$
3.	Pengawal Keselamatan tidak menjalankan rondaan dan clocking (termasuk kelewatan melaksanakan rondaan dan clocking) di tempat-tempat yang telah ditetapkan di bawah Perjanjian.	$\text{Bil. Kegagalan} * \times (20\% \times KHS)$ $*\text{Bil. Kegagalan} = \text{Bil. Clocking Rondaan} \times \text{Kekerapan Rondaan}$
4.	Berlakunya kehilangan atau kerosakan harta Kerajaan di Premis yang disebabkan oleh kecuaiian, kelalain atau salah laku Syarikat atau Pengawal Keselamatan atau mana-mana pekerja Syarikat.	Sejumlah penalti yang akan ditentukan oleh Kerajaan kemudian
5.	Peralatan atau kelengkapan yang disediakan oleh Syarikat bagi tujuan	$1\% \times \text{Jumlah Bayaran Perkhidmatan}$

	Perkhidmatan di Premis tidak disediakan atau tidak berfungsi dan tidak disenggara dengan baik.	sebulan
6.	Pengawal Keselamatan tidak memakai pakaian seragam yang diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan tidak sentiasa berada dalam keadaan bersedia untuk melaksanakan Perkhidmatan semasa bertugas	KHS x Bil. Pengawal Tidak Memakai Pakaian Seragam / Bil. Pengawal Dalam Keadaan Tidak Bersedia x Kelewatan (kiraan dalam jam); atau 1% x Jumlah Bayaran Perkhidmatan sebulan

PPUUNS:

1. KHS = Kadar Harga Sejam
2. Penaan penalti bagi Perkara 5 dan 6 adalah bergantung kepada keperluan Jabatan
3. *Antara contoh pelanggaran yang boleh dikenakan tolakan adalah seperti berikut:
 - (a) Pengawal merokok semasa dalam waktu tugas
 - (b) Pengawal tidur semasa waktu tugas
 - (c) Pengawal tidak memakai uniform semasa bertugas

JADUAL 7
LESEN UNTUK MENJALANKAN PERKHIDMATAN

JADUAL 8
BON PELAKSANAAN

Sebagai balasan kepada Perjanjian No. yang dibuat antara Kerajaan Negeri Sembilan (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Kerajaan”) dan [SyarikatSdn. Bhd.] (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Syarikat”), bagi membekal Perkhidmatan Kawalan Keselamatan tanpa senjata api bagi tempoh mulai hingga (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Perjanjian”) kami yang bertandatangan di bawah (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Penjamin”) atas permohonan Syarikat, mengakujaji yang tak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada Kerajaan ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Perjanjian tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju seperti berikut:

1. Apabila Kerajaan membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta-merta membayar kepada Kerajaan nilai yang ditentukan daripada Syarikat atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi Ringgit (RM.....) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.
2. Kerajaan berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi Ringgit (RM.....) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.

3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Syarikat dan Kerajaan sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin atau sebarang perubahan tentang kewajipan yang diaku janji oleh Syarikat atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.

4. Jaminan ini adalah jaminan yang berterusan dan tidak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa sehingga (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Tarikh Mati Asal”) (Initial Expiry Date) iaitu dua belas (12) bulan selepas Tarikh Tamat Perjanjian atau di dalam keadaan di mana Perjanjian dibatalkan, satu (1) tahun selepas tarikh Perjanjian dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (Initial Expiry Date) (kemudian daripada ini disebut sebagai “Tarikh Mati Lanjutan”) (Extended Expiry Date) apabila diminta oleh Kerajaan dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang Kerajaan berhak di bawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit (RM.....).

5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Perjanjian ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat pada Tarikh Mati Asal (Initial Expiry Date) atau Tarikh Mati Lanjutan (Extended Expiry Date) melainkan jika sebelumnya Kerajaan telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan Perjanjian.

SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK SYARIKAT INSURANS DALAM TEMPOH SAH LAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA EMPAT (4) MINGGU DARI TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI, MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meterai mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk)

Dan bagi pihak Penjamin)

di hadapan)

)

)

)

.....

(saksi)

Nama:

Jawatan: